

20/05/2003

Didik anak benci dadah: PM

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta ibu bapa mendidik anak-

anak mereka bahawa dadah itu kotor seperti najis dalam usaha menangani masalah dadah di negara ini.

Perdana Menteri berkata, kanak-kanak juga perlu diterapkan dengan nilai

dan didikan bahawa dadah tidak harus didekati kerana ia boleh membawa maut

serta penyakit yang amat dahsyat.

Beliau berkata, ini kerana undang-undang tegas dan banyak didapati kurang berkesan mengatasi masalah itu berikutan ramai yang tidak mempedulikannya.

"Anak kita mesti dididik bahawa dadah sebagai najis seperti kita ajar anak kita tidak menempuh najis. Mereka harus dididik bahawa dadah sesuatu

yang amat kotor dan tidak harus didekati kerana ia membawa maut, penyakit

yang amat berbahaya iaitu HIV dan Aids.

"Jika ini diajar sejak kecil, ia dapat mengurangkan penagihan dadah," katanya ketika berucap pada majlis Makan Malam Bersama Penaung oleh Penaja

Setia anjuran Pemadam dan Yayasan Antarabangsa Pertubuhan Bukan Kerajaan (IFNGO) bagi menangani masalah dadah dan ketagihan di sini, malam tadi.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, didikan asas agama yang baik juga dapat menangani masalah berkenaan kerana semua agama akan menolak sesuatu

yang kotor.

"Semua didikan ini dapat membina individu yang mempunyai personaliti yang kuat dan mereka akan menolak dadah," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, mereka yang terbabit dalam menangani masalah dadah di negara ini tidak harus kecewa walaupun usaha mereka itu dilihat seperti gagal berikutan peningkatan jumlah penagih.

"Kita berjaya, jangan putus asa dan kecewa. Teruskan usaha kerana Pemadam membawa banyak manfaat kepada kita. Jika tidak ada Pemadam hari ini, jumlah penagih akan jauh lebih besar," katanya.

Pada majlis itu, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd

Ali menerima selempang 'Ibu Srikandi Pemadam' sebagai menghargai jasanya kepada usaha menangani gejala dadah di negara ini. Selempang itu dipakaikan Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menerima derma RM280,000 daripada pelbagai organisasi dan individu untuk tabung Pemadam.